

## **EKSPLORASI PERANAN GURU PENDIDIKAN ISLAM SEBAGAI AGEN PERUBAHAN MASYARAKAT DARI PERSPEKTIF PENDIDIKAN PENGEMBANGAN EXPLORING THE ROLE OF ISLAMIC EDUCATION TEACHER AS A CHANGE AGENT FROM THE PERSPECTIVE OF EXTENSION EDUCATION**

Maziahtusima Ishak <sup>1</sup>  
Norhasni Zainal Abiddin <sup>2</sup>  
Fathiyah Mohd Fakhrudin <sup>3</sup>

1 Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (Corresponding Author 1: Email: mazihtusima@gmail.com);

2 Jabatan Pemajuan Profesional dan Pendidikan Lanjutan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia;

3 Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia

**Accepted date:** 29 July 2017

**Published date:** 4 January 2018

**To cite this document:** Ishak M., Abiddin N. Z., Fakhrudin F. M., (2017). Eksplorasi Peranan Guru Pendidikan Islam Sebagai Agen Perubahan Masyarakat Dari Perspektif Pendidikan Pengembangan. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 2(6), 214-230.

---

**Abstrak:** *Mutakhir ini, fungsi agama sebagai asas spiritual, moral dan sikap dalam aspek pembangunan sesebuah negara semakin menyerlah. Agama merupakan satu sistem nilai yang perlu difahami, dihayati dan diamalkan kerana ia merupakan salah satu lambang kepada ciri-ciri sebuah masyarakat yang bertamadun. Pembinaan tamadun masyarakat berkait rapat dengan matlamat pendidikan khususnya dalam membangunkan intelektual manusia. Namun begitu, matlamat pendidikan dalam Islam lebih luas skopnya kerana Islam bukan sahaja menekankan aspek kesejahteraan dalam bentuk ukuran material bahkan meliputi elemen keutuhan aspek sosial dan ahli masyarakat mengakui peranan guru pendidikan Islam (GPI) dalam hal ini. Oleh itu, kedudukan GPI dalam masyarakat dilihat sangat signifikan kerana mereka perlu bertindak sebagai agen perubahan (change agent) yang bukan sahaja bertugas mendidik pelajar di sekolah bahkan bertanggungjawab untuk menyebarkan ilmu kepada masyarakat, membentuk sahsiah bersesuaian dengan norma dan nilai masyarakat, membentuk masyarakat penyayang, menjadi suri teladan (role model) selain memberi perkhidmatan kepada masyarakat setempat. Kajian kuantitatif ini berasaskan Teori Perubahan dan Model Perubahan Terancang (Havelock, 1973) yang bertujuan meninjau prestasi peranan GPI sebagai agen perubahan (change agent) iaitu sebagai pemangkin perubahan (catalyst), penyelesaian masalah (problem solver), pembantu proses (process helper) dan penghubung sumber (resource linker). Dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhan, tahap prestasi GPI sebagai agen perubahan adalah pada tahap sederhana. Penemuan ini diharapkan dapat memberi input kepada pelbagai pihak seperti kerajaan, institusi pendidikan serta individu GPI*

sendiri dalam usaha memartabatkan pendidikan agama ke arah menjana generasi berilmu, beriman dan beramal soleh.

**Kata Kunci:** guru pendidikan Islam, agen perubahan, prestasi peranan, pendidikan pengembangan

**Abstract:** *Lately, the function of religion as the foundation for the spiritual, moral and attitude of a developed country has become more pertinent. Religion is a system of value that needs to be understood, internalised and practised as it portrays the characteristics of a civilised society. The establishment of a civilisation relates rather closely to the aim of education especially in the building of the intellect. However, the aim of education in Islam has a wider scope as it embodies not only the well-being in terms of materials but also in terms of elements that become the cornerstones of the social aspect. Thus, community admits the role of an Islamic Education Teacher (IET) in this. Therefore, IETs play a significant role as they need to act as a change agent, not only to educate the school children, but also to disseminate knowledge to the society to build it according to the norm and value set, mould a loving community and become a role model. They are also expected to be giving service to the community. A quantitative study based on the Role Theory and Change Theory (Havelock, 1973) aimed to survey the role of IET as a change agent who is a catalyst, problem solver, process helper and resource linker. Findings show that on the whole, the role performance level of IET as a change agent is moderate. This finding is hoped to inform parties like the government, educational institutes as well as the IET themselves to uphold the religious education to generate knowledgeable, devout and Islamic-practicing society.*

**Keywords:** *change agent, extension education, Islamic education teachers, role performance*

---

## **Pendahuluan**

Pembangunan merupakan satu proses penambahbaikan dari satu situasi kepada satu situasi yang lebih baik (Che Bakar et al., 2007). Islam membahagikan matlamat pembangunan kepada dua fokus iaitu matlamat jangka panjang dan matlamat jangka pendek. Matlamat jangka panjang adalah untuk mendapat keredhaan Allah SWT dunia dan akhirat manakala matlamat jangka pendek lebih kepada urusan duniawi antaranya melibatkan isu pembangunan insan, peningkatan dan penambahbaikan kualiti, pembangunan seimbang, pembangunan teknologi dan jaringan kukuh antara negara Islam di dunia (Mohd. Kamal, 2012).

Justeru itu, pelbagai kaedah dibangunkan dan digunakan untuk mengukur tahap kemajuan pembangunan dalam sesebuah negara. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengukur kemajuan menerusi pengiraan Indeks Pembangunan Manusia atau *Human Development Index* yang merangkumi pencapaian tiga dimensi - kesihatan, pendidikan dan standard hidup yang baik (Sonia Kumari & Doris Padmini, 2011). Islam pula meletakkan ukuran kemajuan kepada keupayaan membangunkan akidah dan penghayatan masyarakat kepada ajaran Islam di samping pembangunan material dan fizikal yang lainnya (Nor Sahida & Sanep, 2013).

Namun begitu, mutakhir ini pelbagai isu berkait rapat dengan aspek ekonomi, kewangan, sistem sosial, politik, budaya dan pendidikan telah menimbulkan keresahan dan kebimbangan masyarakat dunia. Isu ukuran kemajuan sebuah negara maju kini bukan sahaja terletak pada

tahap kesejahteraan atau kualiti hidup rakyatnya yang tinggi, malahan aspek akhlak dan pegangan moral yang tinggi turut diambil kira kesan daripada kecenderungan manusia yang semakin memisahkan agama daripada kehidupan (Mohd. Kamal, 2012).

### **Pernyataan Masalah**

Peningkatan masalah gejala sosial hinggalah kecelaruan pemahaman tentang agama seperti pluralisme dilihat semakin membimbangkan dalam kalangan masyarakat di Malaysia khususnya yang beragama Islam. Gejala sosial ditakrifkan sebagai aktiviti negatif dan tingkahlaku jenayah dan merupakan situasi yang sukar diterima dan ingin dijauhkan dalam masyarakat (Lim, Phang, Nur Amirah, Minhat & Titi Rahmawati, 2014). Umat Islam pada masa kini juga berhadapan dengan pelbagai ancaman ideologi dan pemikiran baru seperti sekularisme, kapitalisme, sosialisme, nasionalisme, hedonisme dan feminisme yang membelakangkan nilai agama (Mohd. Aizam, 2012).

Lantaran pelbagai isu sosial yang semakin membimbangkan, tanggungjawab GPI bukan sahaja terhad kepada tugas hakiki di sekolah bahkan gelaran ustaz dan ustazah yang dimiliki memikul bersama tugas GPI sebagai pendakwah (Ab. Halim Tamuri, 2012; Ahmad Kilani Mohamed, 2005; Asmawati Suhid, 2005). Tambahan pula, masyarakat umum sering menobatkan GPI sebagai *role model* dalam membimbing murid ke arah pencapaian akademik dan sahsiah (Abdullah Md. Din, 2011). Namun begitu, masih terdapat isu negatif dalam kalangan GPI antaranya penglibatan GPI dengan dadah, imej negatif sebagai GPI, memukul pelajar dan salah laku lain (Mohd Anuar Mamat et al., 2016) yang bertentangan dengan peranan sebagai agen perubahan yang sepatutnya dimainkan sedangkan kajian Mohd Yusof Othman et al. (2011) mendapati GPI merupakan faktor yang lebih berkesan membentuk akhlak murid.

Oleh itu, kajian tentang sejauh mana guru agama atau GPI telah memainkan peranan sebagai agen perubahan yang lebih memberi kesan kepada masyarakat sejajar dengan tuntutan as-Sunnah dan al-Quran perlu dilaksanakan agar tugas membina ummah dapat dijayakan dengan sempurna (Ab. Halim Tamuri, Khadijah Abdul Razak, Mohd Aderi Che Noh & Mohd Izham Hamzah, 2016).

### **Sorotan Kajian**

#### ***Pendidikan, Pendidikan Islam dan Pembangunan Masyarakat***

Sejarah pembinaan ketamadunan manusia telah membuktikan pendidikan amat berkesan sebagai alat untuk membangunkan intelektual manusia selain mampu mendokong kemajuan dan perkembangan manusia daripada pelbagai sudut (Mashitah Sulaiman & Adibah Sulaiman, 2011). Ia dapat menyuburkan nilai-nilai asas sesebuah masyarakat (Zakaria Stapa, Noranizah Yusof & Abdul Fatah Saharudin, 2012) serta berperanan penting dalam membentuk peribadi insan yang luhur dan baik serta melahirkan akhlak yang mulia dalam diri seseorang (Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusof, 2012).

Banyak kajian membuktikan agama memainkan peranan yang semakin menonjol dalam masyarakat kerana keupayaannya untuk bertindak sebagai alat membina spiritual, moral dan sikap anggota masyarakat (Muljono, Sarma, Gani dan Hidayatullah, 2014) selain boleh bertindak sebagai satu bentuk kawalan sosial luaran (Nath, 2015). Semenjak dulu agama diakui salah satu ciri masyarakat bertamadun (Ibnu Khaldun, 2002; Wan Hashim Wan Teh, 1997). Ketamadunan manusia yang merupakan salah satu ciri nilai semesta (universal) pula berkait rapat dengan peranan pendidikan iaitu institusi sosial yang berperanan untuk membina sebuah

masyarakat yang berakhlak baik (Rosnani Hashim, 2004). Pembentukan akhlak Islam merupakan satu aspek pendidikan yang amat penting bagi membentuk individu muslim ke arah mencapai kesempurnaan hidup di dunia dan akhirat (Mustafa Hilmi, 2004).

Fathi Yakan dalam Mohd Roslan Mohd Nor dan Wan Mohd Tarmizi Wan Othman (2011) meletakkan pendidikan Islam sebagai laluan melahirkan individu dan masyarakat mengikut acuan Islam dari aspek “pegangan, pemikiran mahupun perbuatan (p.63). Pendidikan adalah alat yang sangat berkesan untuk membina keupayaan masyarakat (Preston & Elo, 1996) dan dapat memberi impak tersendiri dari aspek ekonomi (Fernandez & Mauro, 2000).

Pembinaan dan pembangunan masyarakat yang beriman dan menghayati ajaran agama Islam sepenuhnya tidak akan dapat direalisasikan tanpa pendidikan yang sempurna untuk membimbing mereka menerapkan nilai-nilai keagamaan dalam fasa kehidupan seharian. Ianya juga penting bagi mengelakkan kesalahfahaman tentang Islam di kalangan bukan Islam (Mohd Azhar Abd. Hamid, Rosman Md. Yusuff, Muhammed Fauzi Othman & Mohd Koharuddin Balwi, 2013) dan mengelakkan kegagalan yang disebabkan oleh sesetengah umat Islam sendiri menyerlahkan sikap dan akhlak yang baik (Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, 2008).

Dalam hal ini, peranan guru ternyata amat rumit kerana mereka perlu memahami tujuan pendidikan iaitu mewujudkan ciri-ciri ketuhanan dalam diri manusia untuk kebaikan diri sendiri dan ummah. Guru harus menegakkan nilai-nilai tertentu dan mahir sebagai seorang pengajar, pengurus, pekerja sosial dan kesihatan mental, mahupun seorang ilmiah serta pengganti ibu bapa (Baharom et al., 2008).

### ***Guru Pendidikan Islam sebagai Agen Perubahan***

GPI perlu mempunyai matlamat dalam melahirkan pelajar yang berakhlak mulia dan bersahsiah tinggi serta kelak menjadi generasi yang diharapkan dalam mendepani cabaran terutamanya ke arah Revolusi Industri 4.0. Selain memikul amanah dan tanggung jawab yang sangat besar bagi memastikan matlamat pendidikan Islam dapat disempurnakan (Al-Kaylani, 2002), peranan guru dalam masyarakat khususnya GPI perlu diteliti dengan mendalam kerana golongan ini mempunyai kedudukan berpengaruh yang boleh membawa perubahan dalam masyarakat (Celone et al., 2016) menerusi aspek pengukuhan agama yang merupakan satu sistem nilai yang perlu difahami, dihayati dan diamalkan.

Justeru, guru disarankan untuk memainkan peranan yang lebih meluas iaitu bukan sahaja dalam sekolah bahkan sebagai AP dalam masyarakat (Chen, 2005; Lane, Parachini dan Isken, 2003) walaupun tugas tersebut amat mencabar.

Agen perubahan (AP) adalah orang yang membantu melaksanakan apa-apa perubahan sosial atau suatu inovasi yang terancang (Havelock, 1973) selain berupaya untuk bekerjasama dengan individu lain, kumpulan dan masyarakat bagi meningkatkan kualiti kehidupan (Teague, 2001). Havelock dan Havelock (1973) dalam Rahim Md Sail (2011, p.78) pula mengatakan bahawa ciri AP yang berkesan adalah sebagai pemangkin perubahan (*catalyst*), penyelesaian masalah (*problem solver*), penghubung sumber (*resource linker*) dan pembantu proses (*process helper*) ditunjukkan dalam Rajah 2.


Bagi golongan GPI, peranan sebagai AP sebenarnya perlu diberikan perhatian kerana menurut Ahmad Tarmizi Abu Bakar dan Ab. Halim Tamuri (2013, p.377) “peranan guru merupakan

penyebar yang boleh membekalkan nilai-nilai luhur kepada masyarakat selain memainkan peranan sebagai agen perubahan sosial”. Abd Ghafar Mahmud (2011) menganggap guru adalah AP yang paling awal dalam masyarakat berdasarkan peranan mereka dalam mengajar, mendidik dan membimbing secara terancang. GPI hendaklah “memenuhi tuntutan masyarakat untuk menjadi *qudwah hasanah* kepada komuniti samada secara langsung atau tidak langsung” (Salbiah Mohamed Salleh, Jamil Ahmad, Mohd Aderi Che Noh, Ahmad Sahli Hasan & Mazzlida Mat Delia, 2016) selain perlu berpandangan global dan luas dan tidak tertakluk kepada skop tanggungjawab sedia ada (Mohd Musnizam Jaafar, 2012).

GPI juga perlu meningkatkan amalan pembelajaran berterusan bagi menguasai pelbagai pengetahuan dan membentuk keterampilan yang sesuai selari kemajuan sains dan teknologi. GPI menurut Noornajihan Jaafar dan Ab. Halim Tamuri (2012) pula boleh menjadi AP yang berkesan jika mampu berperanan menurut konsep lima (5)M yang dikemukakan oleh Ab. Halim, Shahrin, Kamarulzaman, Khadijah, Zarin & Mohd Aderi (2006) iaitu guru sebagai *mudarris*, *mu’addib*, *murabbi*, *murshid* dan *mu’allim* (Rajah 3).

<b>Peranan Agen Perubahan</b>	<b>Takrifan (Rahim Md Sail, 2011, p.78)</b>	<b>Ciri-Ciri</b>
Pemangkin perubahan ( <i>catalyst</i> )	Seseorang yang secara ketara menyebabkan sesuatu berlaku untuk kepentingan ahli komuniti tumpuan (AKT).	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempunyai pengetahuan teknikal terkini di samping pengetahuan untuk mendayaupayakan AKT.</li> <li>• Selalu berinteraksi dengan AKT sama ada dalam situasi formal atau tidak formal.</li> <li>• Mempunyai sikap positif terhadap kerja dan organisasi.</li> <li>• Sentiasa mempamerkan imej positif.</li> <li>• Mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas bukan sahaja yang berkaitan dengan kerja tetapi juga hal-hal kehidupan bermasyarakat.</li> <li>• Sentiasa menjadi sumber rujukan klien.</li> <li>• Sanggup bersama klien tanpa mengira waktu dan hari.</li> <li>• Sanggup dan mahu mencuba walaupun menghadapi risiko yang tinggi.</li> </ul>
Penyelesai Masalah ( <i>problem solver</i> )	Seseorang yang membantu, boleh diharapkan dan mempunyai <i>track record</i> yang baik dalam menyelesaikan masalah AKT.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempunyai jaringan kenalan yang luas.</li> <li>• Senang didampingi oleh rakan dan kenalan.</li> <li>• Mempamerkan perlakuan yang mudah mesra.</li> <li>• Mempunyai kaedah berkomunikasi yang meyakinkan.</li> <li>• Mempunyai sifat-sifat pembimbing yang tekun dan berdedikasi.</li> <li>• Yakin terhadap kemampuan AKT.</li> <li>• Tidak mudah putus asa menghadapi kegagalan.</li> <li>• Sentiasa menggalakkan klien untuk mencapai tahap yang tertinggi.</li> <li>• Mempunyai tahap kesabaran yang tinggi.</li> </ul>
Penghubung sumber ( <i>resource linker</i> )	Seseorang yang mampu mengenal pasti dan mengaitkan sumber-sumber dalaman dan luaran bagi memenuhi natlamat AKT dan organisasi.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempunyai jaringan kenalan yang luas.</li> <li>• Senang didampingi oleh rakan dan kenalan.</li> <li>• Mempamerkan perlakuan yang mudah mesra.</li> <li>• Mempunyai kaedah berkomunikasi yang meyakinkan.</li> <li>• Mempunyai sifat-sifat pembimbing yang tekun dan berdedikasi.</li> <li>• Yakin terhadap kemampuan AKT.</li> <li>• Tidak mudah putus asa menghadapi kegagalan.</li> <li>• Sentiasa menggalakkan klien untuk mencapai tahap yang tertinggi.</li> <li>• Mempunyai tahap kesabaran yang tinggi.</li> </ul>
Pembantu proses ( <i>process helper</i> )	Seseorang yang menunjukkan kaedah atau cara membuat sesuatu, membimbingnya langkah demi langkah dan memberi peluang kepada AKT melaksanakannya.	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempunyai jaringan kenalan yang luas.</li> <li>• Senang didampingi oleh rakan dan kenalan.</li> <li>• Mempamerkan perlakuan yang mudah mesra.</li> <li>• Mempunyai kaedah berkomunikasi yang meyakinkan.</li> <li>• Mempunyai sifat-sifat pembimbing yang tekun dan berdedikasi.</li> <li>• Yakin terhadap kemampuan AKT.</li> <li>• Tidak mudah putus asa menghadapi kegagalan.</li> <li>• Sentiasa menggalakkan klien untuk mencapai tahap yang tertinggi.</li> <li>• Mempunyai tahap kesabaran yang tinggi.</li> </ul>

**Rajah 2: Ciri-ciri Agen Perubahan (Havelock & Havelock, 1973)**



**Rajah 3 : Guru Pendidikan Islam dalam Konsep 5M**

Kamarul Azmi Jasmi (2010) pula melihat penglibatan aktif guru dalam aktiviti kemasyarakatan seperti menyampaikan kuliah di masjid mahupun surau, membuka kelas pengajian al-Quran dan fardhu ain di waktu malam dan hujung minggu, menulis dan menghantar penulisan di majalah dan pelbagai lagi media adalah bersesuaian dengan ciri seorang *murabbi* atau pembawa perubahan (*catalyst*) mengikut takrif Havelock. GPI sebagai AP juga selari dengan peranan murabbi yang membangunkan akhlak bukan hanya sebagai penyampai ilmu (mu'allim). Pendek kata, guru juga perlu berusaha menerapkan adab (disiplin dalam pemikiran, fizikal dan spiritual) dengan menjadi seorang muaddib di samping membentuk ciri-ciri pengajar yang berkesan dalam diri mereka (*mudarris*) dan mampu memimpin dengan memberi petunjuk (*mursyid*).

### ***Pendidikan Islam dalam konteks Pendidikan Pengembangan***

Konsep asal Pendidikan Pengembangan seperti mula-mula yang diperkenalkan oleh Universiti Cambridge pada tahun 1873 adalah untuk mengubah pemikiran dan tindakan individu atau masyarakat bagi 'membantu diri sendiri' meningkatkan aspek ekonomi dan sosial melalui penyebaran hasil penyelidikan maklumat teknikal secara langsung kepada petani melalui agen pengembangan. Namun begitu, ia telah berkembang dan Azimi Hamzah (t.t) telah mentakrifkan Pendidikan Pengembangan sebagai:

*“Satu proses katalisis dan fasilitasi pembelajaran yang dinamik ke arah membangunkan individu, kelompok dan organisasi agar boleh berusaha memperbaiki diri, masyarakat dan negara.”*

Takrifan tersebut pada pandangan penyelidik amat bertepatan dengan peranan GPI sebagai AP dalam satu kajian berkaitan intervensi perubahan tingkahlaku (Celon et al., 2016) yang melibatkan guru madrasah sebagai AP dalam program kesihatan komuniti dalam membasmi penyakit *schistosomiasis* di Zanzibar. Menurut kajian tersebut, guru madrasah menganggap diri mereka sebagai agen perubahan yang boleh menjadi sumber dan rujukan kepada masyarakat. Selain itu, latihan yang diterima oleh guru madrasah mampu memberi keyakinan kepada mereka untuk merancang aktiviti pembelajaran yang bersesuaian dengan komuniti yang

disasarkan memandangkan dengan pengetahuan teknikal tersebut, komuniti atau ahli masyarakat dapat dipengaruhi. Ringkasnya dalam kajian ini, guru madrasah dilihat telah berjaya memainkan peranan sebagai pembantu proses dan pemangkin perubahan.

Dalam kajian lain di Yemen oleh *USAID's Bureau for Global Health* berkaitan isu *Fostering Positive Reproductive Health and Family Planning Behaviors* membuktikan bahawa guru agama mampu menjadi agen perubahan sosial yang sangat berkesan (Freiji, 2009). Laporan kajian menunjukkan pemimpin agama yang terlibat dalam kempen kesihatan kekeluargaan yang dijalankan telah berjaya mengubah pandangan masyarakat untuk memberi sokongan kepada program perancangan keluarga dan kesihatan reproduktif kerana kredibiliti golongan ini telah meningkatkan nilai maklumat yang diberikan serta dapat mempengaruhi sikap menerima atau menolak kepada sesuatu idea atau praktis.

### **Kerangka Teori**

Kajian ini adalah berasaskan Teori Peranan (*Role Theory*) yang menyatakan bahawa jika kepentingan suatu peranan ditekankan dalam konteks tertentu, misalnya di tempat kerja atau dalam masyarakat, maka peranan itu lebih mudah dimainkan (Theresa et al., 1997). Persepsi masyarakat terhadap peranan GPI dalam tidak terbatas kepada menyampaikan ilmu malahan mencakupi tanggungjawab membangunkan akhlak, menggerakkan minda dan membentuk sahsiah (Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi, 2011) kerana guru diyakini sebagai orang yang mampu membawa perubahan positif dalam kehidupan mereka (Bourn, 2015). Berdasarkan pandangan tersebut, guru perlu melihat diri mereka sebagai agen perubahan dan bukan sebagai objek perubahan (Bourn, 2013) yang membawa perubahan transformatif selain menyelesaikan isu sosial dalam masyarakat (Pantic & Wubbles, 2012; Rubagiza, Umutoni & Kaleba, 2016).

Bagi menentukan peranan yang perlu dimainkan sebagai seorang agen perubahan yang berkesan, kajian ini menggunakan Teori Perubahan yang dikemukakan oleh Havelock (1973). Havelock (1973) mengembangkan teori perubahan yang dikemukakan oleh Rogers dan Lewin dan mencadangkan enam langkah proses yang dapat menjayakan usaha inovasi termasuklah bagaimana seseorang AP boleh menyusun tugas mereka dengan lebih baik. Havelock memberi tumpuan kepada proses pembelajaran dan menekankan kepada aspek perancangan dan penggunaan pendekatan penglibatan (*participatory*). Menurut teori ini, seorang AP boleh memudahkan perubahan berlaku dengan empat peranan iaitu sebagai pemangkin (*catalyst*), penyelesaian masalah (*problem solver*), pembantu proses (*process helper*) dan penghubung sumber (*resource linker*).

### **Objektif Kajian**

Kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap prestasi peranan GPI sebagai agen perubahan masyarakat iaitu sebagai pemangkin untuk perubahan (*catalyst*), penyelesaian masalah (*problem solver*), penghubung sumber (*resource linker*) dan pembantu proses (*process helper*).

### **Persoalan Kajian**

Berdasarkan objektif kajian, persoalan kajian adalah :

1. Apakah tahap prestasi peranan GPI sebagai agen perubahan masyarakat?



2. Adakah terdapat perbezaan tahap prestasi peranan GPI sebagai agen perubahan masyarakat berdasarkan jantina?

$H_0$  : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap prestasi peranan GPI sebagai agen perubahan masyarakat berdasarkan jantina.

## Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian berbentuk tinjauan deskriptif dengan menggunakan borang soal selidik bagi tujuan pengumpulan data. Seramai 105 orang responden yang terdiri daripada GPI di sekolah harian di Malaysia serta sekolah agama swasta di Negeri Sembilan termasuk guru di sekolah tahfiz swasta terlibat dalam kajian rintis yang dilaksanakan. Menurut Creswell (2012), kajian rintis yang dijalankan bertujuan untuk membantu pengkaji menentukan bahawa sampel berkebolehan untuk memahami dan menyelesaikan soal selidik yang dikemukakan kepada mereka. Hasil kajian rintis ini akan memberikan maklum balas mengenai masa menjawab, ketepatan, kejelasan serta kebolehpercayaan dan kesahan instrumen kajian.

Sebanyak 26 item telah dibina berpandukan kajian lepas berkaitan ciri-ciri seorang agen perubahan mengikut pandangan Havelock iaitu sebagai pemangkin untuk perubahan (*catalyst*), penyelesaian masalah (*problem solver*), penghubung sumber (*resource linker*) dan pembantu proses (*process helper*). Penyelidik juga menggunakan konsep 5M yang dikemukakan oleh Ab. Halim Tamuri (2006) untuk membentuk soalan-soalan berkaitan peranan GPI dalam masyarakat.

Analisis faktor eksploratori turut dilaksanakan semasa ujian rintis menggunakan perisian SPSS versi 21.0. Dalam melaksanakan EFA, penyelidik telah mengikuti tiga langkah seperti yang dicadangkan oleh Pallant (2010). Langkah pertama ialah penilaian kesesuaian data bagi faktor analisis menggunakan dua ujian bagi menilai kecukupan saiz sampel selain untuk mengenal pasti sama ada korelasi antara item memadai untuk dilakukan analisis faktor (Pallant, 2010; Chua, 2006). Dua ujian yang dilakukan tersebut ialah *Kaiser-Meyer-Olkin* dan *Bartlett's Test*. Keputusan *Kaiser-Meyer-Olkin* dan *Bartlett's Test* ditunjukkan dalam jadual 1 berikut:

**Jadual 1. Keputusan *Kaiser-Meyer-Olkin* dan *Bartlett's Test***

<i>KMO and Bartlett's Test</i>		
<i>Kaiser-Meyer-Olkin (Measure of Sampling Adequacy)</i>		.931
<i>Bartlett's Test of Sphericity</i>	<i>Approx. Chi-Square</i>	3299.055
	<i>df</i>	325
	<i>Sig</i>	.000

Pekali kebolehpercayaan instrumen pula ditentukan dengan menggunakan *Cronbach Alpha* dan nilai yang diperolehi ialah .98. Skala item yang digunakan dalam skala peranan GPI sebagai agen perubahan ialah pemarkatan skala likert 10 mata dengan julat 1 (Tidak Pernah) hingga 10 (Sangat Kerap). Menurut Cummins dan Gullone (2000), pemarkatan 1 hingga 10 menawarkan satu bentuk perkadaran yang mampu meningkatkan sensitiviti hasil pengukuran instrumen dan ianya sesuai digunakan sebagai alat ukuran bagi CFA dan SEM (Dawes, 2008).

## Analisa Data

Dalam kajian ini, statistik deskriptif digunakan untuk membuat huraian secara menyeluruh mengenai demografi sampel kajian seperti jantina. Menurut Azizi et al. (2006), statistik deskriptif digunakan bagi menghurai dan membuat ringkasan pada maklumat serta data yang diperoleh bagi populasi atau sampel. Manakala Noraini (2010) menyatakan bahawa statistik deskriptif memberi gambaran awal tentang data yang dikumpulkan dan digunakan dalam sesuatu penyelidikan. Kajian ini menggunakan kekerapan dan peratus untuk menerangkan demografi sampel.

Bagi menentukan tahap prestasi peranan GPI sebagai agen perubahan dalam kajian ini, satu garis panduan bagi skor min telah ditetapkan dengan merujuk dan mengubahsuai garis panduan yang dikemukakan oleh Muhammad, Ismail, Wan, Mohd. dan Zawiah (2013). Sehubungan dengan itu, tahap skor min telah dibina dengan membahagikan nilai min piawai kepada tiga kategori iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Skor min antara 1.00 hingga 4.00 menunjukkan skor bagi pemboleh ubah yang dikaji berada pada tahap rendah, skor min antara 4.01 hingga 7.00 menunjukkan skor bagi pemboleh ubah yang dikaji berada pada tahap sederhana dan skor min antara 7.01 hingga 10.00 menunjukkan skor bagi pemboleh ubah yang dikaji pada tahap tinggi. Ringkasannya seperti dalam Jadual 2. Data yang diperolehi juga dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 21.0.

**Jadual 2. Garis Panduan Tafsiran Skor Min**

Skor Min	Tafsiran Skor Min
1.00 hingga 4.00	Tahap Rendah
4.01 hingga 7.00	Tahap Sederhana
7.01 hingga 10.00	Tahap Tinggi

Sumber: Muhammad et al. (2013)

Bagi menentukan sama ada terdapat perbezaan tahap prestasi peranan keseluruhan GPI sebagai agen perubahan masyarakat berdasarkan jantina, Ujian Mann-Whitney dijalankan untuk membandingkan min skor tahap prestasi peranan di antara kumpulan GPI lelaki dan perempuan. Pemilihan ujian non-parametrik ini digunakan berdasarkan ujian taburan data yang telah dilakukan menunjukkan bahawa taburan data adalah tidak normal.

## Dapatan Kajian

Data diperolehi daripada 105 orang responden menggunakan dua kaedah iaitu menggunakan borang soal selidik yang ditadbirkan terus kepada responden dan juga menggunakan *Google Form* iaitu pemerolehan data secara atas talian. Daripada 105 orang responden ini, 66 (62.9%) orang responden adalah perempuan manakala 39 (37.1%) orang adalah lelaki. 24 (23.3%) responden mendakwa mereka memiliki tauliah sebagai penceramah manakala bakinya iaitu 79 (76.7%) menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai tauliah. Bagi kelayakan mengajar pula, majoriti responden iaitu 82 (78.8%) tidak mempunyai kelayakan ikhtisas. Hanya 22 (21.2%) orang mempunyai kelayakan ikhtisas. Namun begitu, tahap akademik tertinggi bagi 56.3% responden adalah Ijazah Sarjana Muda, diikuti dengan 29.1% memiliki Sijil STPM/STAM, 14.6% memiliki Diploma dan 7.3% responden memiliki Ijazah Sarjana.

Tinjauan terhadap tahap setiap satu peranan GPI sebagai AP mendapati peranan sebagai pemangkin perubahan (*catalyst*) secara keseluruhan adalah pada tahap sederhana. Majoriti responden iaitu 57 (54.3%) orang responden menunjukkan tahap sederhana. Bagi peranan

sebagai penyelesaian masalah (*problem solver*) pula, 53 (50.5%) orang responden berada pada tahap sederhana dan 40 (38.1%) responden pula menunjukkan tahap prestasi yang tinggi. Bagi peranan sebagai penghubung sumber pula (*resource linker*), hanya 16 (15.2%) responden berada pada tahap tinggi. Bagi peranan sebagai pembantu proses (*process helper*), 63 (60.0%) orang responden berada pada tahap sederhana.

Jadual 3 di bawah menunjukkan min, sisihan piawai dan tahap prestasi peranan GPI sebagai AP.

**Jadual 3. Tahap Prestasi Peranan GPI Sebagai Agen Perubahan**

<b>Peranan</b>	<b>Min</b>	<b>S.P</b>	<b>Tahap</b>
Pemangkin perubahan ( <i>Catalyst</i> )	6.371	1.663	Sederhana
Penyelesai masalah ( <i>Problem solver</i> )	6.178	1.840	Sederhana
Pembantu proses ( <i>Process Helper</i> )	5.591	1.930	Sederhana
Penghubung sumber ( <i>Resource linker</i> )	4.781	2.312	Sederhana
Min keseluruhan peranan AGEN PERUBAHAN	4.480	2.123	<b>SEDERHANA</b>

Secara keseluruhan, analisa data mendapati 47 (44.8%) orang responden menunjukkan tahap prestasi keseluruhan sebagai AP pada tahap rendah; 50 (47.6%) orang menunjukkan tahap sederhana manakala hanya 8 (7.6%) orang menunjukkan tahap prestasi yang tinggi. Jadual 4 menunjukkan perincian bagi setiap satu peranan dan beberapa item yang digunakan bagi mengukur peranan tersebut.

**Jadual 4. Frekuensi dan Peratus (%) Tahap Prestasi Peranan GPI Sebagai Agen Perubahan Masyarakat**

PERANAN	Item	FREKUENSI (%)		
		(Tahap Peranan)		
		1 – Rendah; 2 – Sederhana; 3 - Tinggi		
		1	2	3
<b>Pemangkin perubahan (<i>catalyst</i>)</b>	1. Memberi bimbingan kerohanian kepada anggota masyarakat.	9 (8.6%)	57 (54.3%)	39 (37.1%)
	2. Memberi kesedaran kepada masyarakat tentang amalan kehidupan menurut syariat Islam.			
	3. Memberi kesedaran kepada masyarakat berkaitan isu dan cabaran semasa berdasarkan pegangan Ahli Sunah Waljamaah.			
<b>Pembantu Proses (<i>Process Helper</i>)</b>	1. Mendidik masyarakat tentang agama Islam melalui tazkirah/nasihat.	23 (21.9%)	52 (49.5%)	44 (41.9%)
	2. Membantu masyarakat menerusi penglibatan dalam aktiviti-aktiviti kemasyarakatan di surau/masjid.			
	3. Membuat <i>perancangan pembelajaran</i> yang bersesuaian dengan audien ( <i>mad'u</i> ).			
<b>Penyelesai Masalah (<i>Problem Solver</i>)</b>	1. Menjadi pakar rujuk dalam bidang agama kepada orang lain.	11 (10.5%)	54 (51.4%)	40 (38.1%)
	2. Membantu menyelesaikan masalah masyarakat dengan menguasai pelbagai bidang ilmu selain bidang agama.			
<b>Penghubung sumber (<i>Resource Linker</i>)</b>	1. Menjadi wakil/orang tengah kepada masyarakat setempat bagi menyelesaikan isu yang timbul.	27 (25.7%)	49 (46.7%)	29 (27.6%)
	2. Membina jaringan komunikasi dengan pelbagai pihak.			

Dapatan kajian seterusnya menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kumpulan GPI lelaki dan perempuan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5 dan Jadual 6. Jadual 5 menunjukkan *mean rank* bagi kedua-dua kumpulan. Walaupun terdapat perbezaan antara kedua kumpulan, Jadual 6 pula menunjukkan perbezaan tersebut tidak signifikan di mana  $p (.776) > .05$ .

**Jadual 5. Mean Rank Prestasi Peranan GPI sebagai AP**

	Jantina	N	Mean Rank	Sum of Ranks
Overall_Mean AP	Lelaki	39	51.91	2024.50
	Perempuan	66	53.64	3540.50
	TOTAL	105		

**Jadual 6. Test Statistics**

	Overall Mean AP
Mann-Whitney U	1244.500
Wilcoxon W	2024.500
Z	-.284
Asymp. Sig (2-tailed)	.776

a. Grouping variable: Jantina

## Perbincangan

Kajian ini telah mengaplikasi konsep 5M (*mudarris, mu'addib, murabbi, murshid* dan *mu'allim*) yang dibangunkan oleh Ab. Halim Tamuri et al. (2006) dan ciri-ciri seorang agen perubahan yang dikemukakan oleh Havelock dan Havelock (1973) bagi membina item yang dapat mengukur prestasi peranan GPI sebagai agen perubahan masyarakat. Penggunaan konsep 5M adalah berdasarkan agen perubahan yang ditakrifkan dalam kajian ini adalah individu GPI. Kebanyakan kajian menilai peranan guru sebagai agen perubahan dalam konteks sekolah masing-masing (Graham, 1986; Bourn, 2015; Lane, Lacefield-Parachini & Isken, 2003; Lukacs, 2016).

Dapatan awal kajian ini menunjukkan bahawa tahap peranan agen perubahan iaitu sebagai pemangkin perubahan (*catalyst*) menunjukkan peranan yang paling kerap dimainkan oleh GPI selain sebagai penyelesaian masalah (*problem solver*). GPI juga bertindak sebagai pembantu proses (*process helper*) dan penghubung sumber (*resource linker*) meskipun min bagi kedua-dua peranan tersebut lebih rendah. Dapatan awal kajian ini membuktikan bahawa GPI telah melaksanakan aktiviti kemasyarakatan di luar skop tugas hakiki mereka di sekolah dan aktiviti tersebut adalah menjurus kepada usaha untuk mengubah pengetahuan, sikap dan kemahiran seperti yang dilakukan oleh agen perubahan lain. Dapatan kajian ini juga selari dengan beberapa kajian yang pernah dijalankan (Celone et al., 2016; Freij, 2009) tentang kemampuan golongan agamawan bertindak sebagai agen perubahan yang efektif dalam masyarakat menerusi pendekatan kolaboratif bersama anggota masyarakat yang lain.

## Cadangan dan Kesimpulan

Kajian berbentuk kuantitatif bagi meneroka dan menilai peranan GPI sebagai agen perubahan dalam masyarakat masih kurang. Justeru, kajian ini dijalankan untuk membuktikan bahawa GPI mempunyai peranan yang sangat besar dalam membawa perubahan ilmu pengetahuan, sikap dan kemahiran khususnya yang berkait rapat dengan pengamalan dan penghayatan Islam dalam kalangan masyarakat. Namun begitu, terdapat beberapa kelemahan dalam kajian ini di mana ukuran prestasi peranan AP hanya dibuat berdasarkan persepsi GPI. Ini boleh menimbulkan pandangan yang bias dari responden disebabkan perbezaan latar belakang dan pengalaman mengajar. Kajian lanjutan juga wajar dilakukan ke atas ahli masyarakat bagi menilai kesan peranan GPI sebagai AP ke atas kualiti kehidupan mereka. Selain itu, faktor anteseden yang boleh meningkatkan prestasi peranan GPI sebagai AP juga perlu diteliti untuk menjadi input yang boleh digunakan oleh pelbagai pihak seperti kerajaan, institusi pendidikan serta individu GPI sendiri dalam usaha memartabatkan pendidikan agama ke arah menjana generasi berilmu, beriman dan beramal soleh.

## Rujukan

- Ab. Halim Tamuri. (2006). Model Guru Pendidikan Islam: Konsep 5 Mim. *Seminar Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam*. 1 April, Anjuran Fakulti Pendidikan, UKM
- Ab. Halim Tamurui & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2011). *Kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Ab. Halim Tamuri & Zawawi Ismail. (2012). Keberkesanan Pendidikan Islam Dalam Pendidikan Kebangsaan: Peranan Guru. Persidangan Meja Bulat "Penyediaan Guru Cemerlang". Anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia, 6 September.

- Ab. Halim Tamuri, Khadijah Abdul Razak, Mohd Aderi Che Noh & Mohd Izham Hamzah. (2016). Persepsi Murid-Murid Terhadap Amalan Guru Pendidikan Islam di Malaysia. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi Edisi Khas Vol. 3, No.2-1* (Jun 2016), 18-40.
- Abdullah Ishak. (1995). *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Md. Din. (2011). *Pendidikan Islam Malaysia: Isu Dan Cabaran*. Kertas kerja Kongres Pendidikan Islam Kebangsaan 2011. Anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia. Dynasty Hotel Kuala Lumpur, 4-7 Disember.
- Ahmad Kilani Mohamed. (2005). *Pengurusan Pendidikan Di Sekolah Dari Perspektif Islam*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Al-Kaylani Majid `Asran. (2002). *Falsafah Al-Tarbiyyah Al-Islamiyyah*. Dubai: Dar al-Qalam.
- Asmawati Suhid. (2005). Pemantapan Komponen Akhlak Dalam Pendidikan Islam Bagi Menangani Era Globalisasi. *Jurnal Kemanusiaan* 6: 95-104.
- Azimi Hamzah. (t.t). *Pendidikan Pengembangan dan Pendidikan Non-Formal Di Kalangan Belia*. Kertas kerja yang dibentangkan di bengkel pegawai-Pegawai Pembangunan Kemahiran, Kementerian Belia dan Sukan, IKBN, Port Dickson.
- Azizi, Y., Shahrin, H., Jamaludin, R., Yusof, B. & Abdul, R. H. (2006). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan: Teori, analisis & interpretasi data*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Baharom Mohamad, Ali Suradin dan Za'ba Helmi Khamisan. (2008). Peranan Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral dalam Membina Sahsiah Pelajar Berkualiti. Universiti Teknologi Malaysia. Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008.
- Bourn, D. (2015). Teachers as agents of Social Change. *International Journal of Development Education and Global Learning*, 7(3), 63-77.
- Celone, M., Person, B., Ali, S. M., Lyimo, J. H., Mohammed, U. A., Khamis, A. N., Knopp, S. (2016). Increasing the reach: Involving local Muslim religious teachers in a behavioral intervention to eliminate urogenital schistosomiasis in Zanzibar. *Acta Tropica*, 163, 142–148. <http://doi.org/10.1016/j.actatropica.2016.08.004>
- Che Bakar Che Mat et al. (2007). *Pembangunan dari Perspektif Islam*. Shah Alam: Universiti Teknologi MARA.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Asas Statistik Penyelidikan Buku 2*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Creswell, J. W. (2012). *Educational research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research-4th Edition (Fourth)*. Boston, MA: Pearson Education, Inc.
- Cummins, R. A. & Gullone, E. (2000). Why we should not use 5-point Likert scales: The case for subjective quality of life measurement. In *Second International Conference on Quality of Life in Cities* (pp. 74-93). Singapore.
- Dawes, J. (2008). Do data characteristics change according to the number of scale points used? An experiment using 5-point, 7 point and 10 point scales. *International Journal of Market Research*, 51(1), 61–77.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2008). Pengajian Takmir Masjid di Terengganu. Sambutan Masyarakat Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 1, 1-21.
- Fernandez, E. & Mauro, P. (2000). *The Role of Human Capital in Economic Growth: The Case of Spain*. IMF Working Paper, 1-27.
- Freij, LS. (2009). *Laporan Kajian Religious Leaders as Reproductive Health and Family Planning "Champions" in Yemen*. Retrieved from: [https://www.k4health.org/sites/default/files/ESD Legacy Religious Leaders Yemen Brief 6 24 10.pdf](https://www.k4health.org/sites/default/files/ESD_Legacy_Religious_Leaders_Yemen_Brief_6_24_10.pdf).

- Graham, B. (1986). The Teacher as Change Agent. *British Journal of In-Service Education*, 12(3), 151-158, DOI: 10.1080/0305763860120305.
- Havelock, R.G. & Havelock, M.C. (1973). *Training for Change Agents: A Guide to the Design of Training Programs in Education & Other Fields*, University of Michigan Press:East Lansing.
- Ibnu Khaldun. (2002). Mukadimah Ibn Khaldun. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah Di Malaysia: Satu Kajian Kes*. (Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lane, S., Lacefield-Parachini, N. & Isken, JA. (2003). Developing Novice Teachers as Change Agents: Student Teacher Placements “Against the Grain”. *Teacher Education Quarterly*, 55-68
- Mashitah Sulaiman & Adibah Sulaiman. (2011). *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Bandar Baru Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Lim YJ, Phang MY, NurAmirah AR, Minhat HS & Titi Rahmawati H. (2014). Contributing Factors Toward Social Problems Among Adolescents in Governmental Rehabilitation Centre in Kuala Lumpur. *International Journal of Public Health and Clinical Sciences*
- Muhammad, S. A. Y., Ismail, M., Wan, S. W. A., Mohd, N. I. & Zawiah, S. (2013). Peranan faktor linguistik dan kognitif terhadap kefahaman bacaan teks kesusasteraan Arab. In *Tema 1: Bahasa dan Pendidikan* (pp. 45-47). Kuala Terengganu: Persatuan Pengajian Siswazah UniSZA.
- Lukacs, K. (2015). ‘For Me, Change is not a Choice’: The Lived Experience of a Teacher Change Agent. *American Secondary Education* 44(1), 38-49.
- Mahaliza Mansor, Norlia Mat Norwani & Jamal Yunus. (2011). Validity and Reliability of the school based professional development leader roles inventory. *Management Research Journal*, 1(1), 73-87.
- Mashitah Sulaiman dan Adibah Sulaiman. (2011). *Tamadun Islam dan Tamadun Asia (Edisi Lengkap)*. Nilai : Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohd Azhar Abd. Hamid, Rosman Md. Yusuff, Muhammed Fauzi Othman & Mohd Koharuddin Balwi. (2013). Perspektif Orang Cina Terhadap Agama Islam di Malaysia: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal Teknologi*, 60, 11–19.
- Mohd Kamal Hassan. (2012). *Cabaran Semasa Dan Masa Depan Dunia. Membangun Modal Insan Melayu Dalam Sistem Pendidikan Islam*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Perbincangan Meja Bulat - Mengarusperdanakan Sistem Pendidikan Islam di Malaysia, Kuala Lumpur, 5 Jun 2012.
- Mohd Roslan Mohd Nor & Wan Mohd Tarmizi Wan Othman. (2011). Sejarah dan Perkembangan Pendidikan Islam. *Jurnal At-Ta'dib*, 6(1), 59–78. <http://doi.org/10.1007/s13398-014-0173-7.2>
- Mohd Yusof Othman, Ismail Ibrahim, Jawiah Dakir, Lilia Halim, Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail, Ab. Halim Tamuri, Ibrahim Abu Bakar, Abrar Idris, Shamsul Shah Tarjo, Shamsul Azhar Yahya, Siti Maheran Ismail @ Ibrahim dan Noor Atiqah Abd Rahman. (2011). Keberkesanan Pendidikan Islam dalam sistem Pendidikan Kebangsaan. Laporan penyelidikan Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muljono, P., Sarma, D., Gani, D.S. & Hidayatullah, M.T. (2014). The Development of Islamic Extension Agent Competencies in West Java Province, Indonesia. *International Journal of Basics and Applied Science*. Vol 02, No 03, 1-10.
- Mohd. Aizam Mas'od. (2012). Serangan ideologi barat terhadap pemikiran umat Islam dan implikasinya kepada iman. *Jurnal Penyelidikan Islam*, Bil 25, 99-118.

- Mohd. Anuar Mamat et al. (2016). *Isu dan Keperluan Etika Profesion Perguruan Islam (Eppi): Satu Kajian Awal Berdasarkan Pandangan Pakar*. Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Pemerksaan Pendidikan Islam, (Madrrasah), 20&21 Oktober.
- Mohd Roslan Mohd Nor & Wan Mohd Tarmizi Wan Othman. (2011). Sejarah dan Perkembangan Pendidikan Islam di Malaysia. *Jurnal At-Ta'dib*, 6 (1). pp. 59-78.
- Mohd Musnizam Jaafar, Ab. Halim Tamuri, Rohizan Ya. (2012). *Konsep Berilmu Di Kalangan Guru Pendidikan Islam Satu Keperluan Dalam Membangunkan Modal Insan*. Universiti Teknologi Malaysia: Faculty of Islamic Civilization.
- Muhammad, S. A. Y., Ismail, M., Wan, S. W. A., Mohd, N. I. & Zawiah, S. (2013). Peranan faktor linguistik dan kognitif terhadap kefahaman bacaan teks kesusasteraan Arab. In Tema 1: Bahasa dan Pendidikan (pp. 45–47). Kuala Terengganu: Persatuan Pengajian Siswazah UniSZA.
- Mustafa Hilmi. 2004. *Al- Akhlaq bayna al-falasifah wa ulama' al-Islam*. Bairut: Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- Nath, S. (2015). Religion and Its Role In Society. *IOSR Journal Of Humanities And Social Science (IOSR-JHSS)*, Volume 20 (11), Ver. IV (Nov. 2015), 82-85.
- Noornajihan Jaafar & Ab. Halim Tamuri. (2012). *Guru Pendidikan Islam Sebagai Murabbi: Satu Keperluan Dalam Mendepani Remaja Islam Abad 21*. Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam 2012, hlm. 239-248.
- Noraini, I. (2010). *Pensampelan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Nor Sahida Mohamad dan Sanep Ahmad. (2013). Pembangunan Menurut Perspektif Islam: Satu Analisis Awalan (Development from Islamic Perspective: An Interim Analysis) Prosiding Perkem VIII, Jilid 1, 355 - 370. Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII) “Dasar Awam Dalam Era Transformasi Ekonomi: Cabaran dan Halatuju”, 7-9 Jun 2013.
- Pallant, J. (2010). *SPSS survival manual: A step by step guide to data analysis using SPSS*. Open University Press.
- Pantic, N & Wubbels, T 2012, 'The role of teachers in inculcating moral values: operationalisation of concepts' *Journal of Beliefs & Values*, vol 33, no. 1, pp. 55-69. DOI: [10.1080/13617672.2012.650030](https://doi.org/10.1080/13617672.2012.650030)
- Preston, S.H. dan Elo, I.T. (1996). Survival after age 80: letter to the editor. *New England Journal of Medicine*, 334 (8), 537.
- Rahim Md Sail. (2011). Melaksanakan Program Pembangunan Komuniti Menggunakan Pendekatan Pendidikan Pengembangan. Dalam Khadijah Alavi, Rahim Md Sail & Nurul Akhtar Kamarudin (Eds), *Pembangunan Komuniti: Membina Keupayaan & Potensi Masyarakat* (pp.67-80). Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Rosnani Hashim. (2004). *Educational Dualism In Malaysia*. Kuala Lumpur: The Other Press.
- Rubagiza, J., Umutoni, J. & Kaleeba, A. (2016). Teachers As Agents Of Change: Promoting Peacebuilding And Social Cohesion In Schools In Rwanda. *Education as Change*, Volume 20(3), pp. 202–224.
- Salbiah Mohamad Salleh, Jamil Ahmad, Mohd Aderi Che Noh, Ahmad Sahli Hasan, Mazzlida Mat Deli. (2016). *Eksplorasi Karektor Akhlak Guru*. Kertas Kerja yang dibentangkan dalam International Conference on Education and Regional Development, November.
- Sonia Kumari, S & Doris Padmini, S. (2011). *Analisis Human Development Index Malaysia*. Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VI (PERKEM VI), Ekonomi Berpendapatan Tinggi: Transformasi ke Arah Peningkatan Inovasi, Produktiviti dan Kualiti Hidup, Melaka Bandaraya Bersejarah, 5 – 7 Jun 2011.



- Sufean Husin. (2004). *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Edisi Kedua. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Theresa M. Welbourne, Diane E. Johnson, & Amir Erez. (1997). The Role-Based Performance Scale: Validity Analysis of a Theory Based Measure.
- Wan Hashim Wan Teh. (1997). Tamadun Melayu dan Pembinaan Tamadun Abad Kedua Puluh Satu. Dlm. Ismail Hussein et al. *Tamadun Melayu Menyongsang Abad Kedua Puluh Satu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zakaria Stapa, Noranizah Yusof & Abdul Fatah Saharudin. (2012). Pendidikan Menurut Al-Quran Dan Sunnah Serta Peranannya Dalam Memperkasakan Tamadun Ummah. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 7-22.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusof. (2012). Faktor Persekitaran Sosial Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 155-172.